

Headline **GLC tunjuk minat**  
Date **06 May 2011**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Bisnes**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **73**  
Article Size **290 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **8,339**  
PRValue **25,017**



# GLC tunjuk minat

## Guna produk dibangunkan Mimos bagi tujuan komersial di pasaran

**Badrila Jamilus**

**M**IMOS Bhd (Mimos) yang sudah membangunkan lebih 20 prototaip teknologi dengan nilai pasaran lebih RM1 bilion dan memindahkan 18 platform teknologinya kepada 23 penerima teknologi, akan terus menghasilkan produk inovatif pada masa depan dalam usaha menjadi peneraju pembangunan teknologi bagi manfaat syarikat tempatan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata, ini terbukti apabila beberapa syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sudah menunjukkan minat untuk menggunakan produk dibangunkan Mimos bagi tujuan komersial dan dijangka diperkenalkan di pasaran tidak lama lagi.

“Kami bersedia membantu meletakkan syarikat ini di dalam kedudukan yang baik, namun kami tidak boleh mengumumkan jenis produknya kerana terikat dengan perjanjian.

“Apa yang penting ialah program penyelidikan dan pembangunan (R&D) terus dijalankan dengan mengambil kira perubahan dalam pasaran teknologi serta memastikan setiap produk dihasilkan mendapat hak cipta harta intelek (IP),” katanya pada sidang media selepas majlis sambutan ulang tahun ke-25 Mimos di Taman Teknologi Malaysia di sini, semalam.

Pada majlis yang dihadiri mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili itu, seramai lima kakitangan

Mimos menerima anugerah pencipta yang disampaikan

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madinah Mohamad.

Mimos turut memberikan Anugerah Kepemimpinan ICT Kebangsaan kepada Dr Mahathir yang menjadi pencetus idea penubuhan Mimos pada 1985 dan pengasas Mimos, Datuk Tengku Dr Mohd Azzman Shariffadeen.

Abdul Wahab berkata,

pada tahun lalu, Mimos menyumbang 40.4 peratus kepada keseluruhan permohonan paten di Triti Kerjasama Paten (PCT) iaitu satu perjanjian kerjasama antara bangsa mengenai permohonan paten, sekali gus meletakkan Malaysia di tangga ke-25 di peringkat global.

Pada tahun ini, Mimos sudah mendaftarkan 810 paten dan memfaiklan 365 paten dengan enam daripadanya sudah mendapat kelulusan.



**PENGHARGAAN...**Dr Maximus Ongkili menyampaikan Anugerah Kepemimpinan ICT Kebangsaan kepada Dr Mahathir pada majlis ulang tahun ke-25 Mimos, semalam.